



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **16 Nov 2020 (Isnin)**

#### **Berita Harian**

RCEP dimeterai selepas 8 tahun	1
RCEP penggerak pemulihan ekonomi	2

#### **Utusan Malaysia**

RCEP: PKS turut terima manfaat	3
--------------------------------	---

#### **Harian Metro**

Limpahan terkawal	4
Manfaat bersama	5

#### **Kosmo**

9,423 individu hilang kerja di Selangor	6
RCEP tingkatkan integrasi ekonomi	7

#### **Sinar Harian**

Malaysia hab perdagangan pilihan	8
Persidangan video kukuhkan hubungan 10 negara anggota ASEAN	9
Peluang PKS masuki pasaran global	10
Kebun komuniti pacu pendapatan	11
Seri Paduka Baginda, Raja Permaisuri zahir ucapan takziah kepada keluarga Zaleha	12
9,423 pekerja di Selangor diberhenti	13
5 daerah dilanda air pasang besar	14

#### **Selangor TV**

Ahli politik wanita, cabarannya berbeza	15
Air pasang besar, Pelabuhan Klang terkawal	16
Jelajah Selangor Bekerja 2020: Tawar 2,888 peluang kerja di Kuala Selangor	17
Lanjut Moratorium, Bukan Utamakan JASA	18
Tuisyen Rakyat Dalam Talian, Agenda Digitalisasi	19

#### **The Star**

Azmin: RCEP will help our preferred trading hub position	20
MBPJ DRAFT PLAN	21
MBSA MATTERS	22
PM: Don't forget terror threat	23
WASTE COLLECTION	24
Momentous deal	25
Azmin: M'sia will gain from RCEP	26
Food aid worth RM90,000 for Plaza Hentian Kajang folk	27
A victory of multilateralism and free trade	28

#### **New Straits Times**

MALAYSIA INKS LARGEST FTA PACT IN WORLD	29
---	----

#### **The Sun**

RCEP signed after eight-year talks	30
------------------------------------	----

#### **RTM2**

Selangor Govt To Try Fulfilling Reward Promised to 1995 Malaysian Cup-Winning Squad	31
---	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**The Malaysian Reserve**  
RCEP signing boosts Malaysia's position



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>16 November 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	RCEP dimeterai selepas 8 tahun
Muka Surat	:	2



# RCEP dimeterai selepas 8 tahun

Malaysia bersama 14 negara termasuk China menempa satu lagi sejarah semalam, selepas secara rasminya memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif Serantau (RCEP), iaitu blok perjanjian perdagangan terbesar dunia. Perjanjian itu yang melalui rundingan sukar dan mencabar selama lapan tahun, akan mempertingkatkan, memudah cara, melindungi persekitaran pelaburan negara anggota, selain menyumbang ke arah kestabilan Malaysia sebagai hab perdagangan dan destinasi pelaburan pilihan.

Muka 2, 3

## SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-37

### RCEP dimeterai selepas 8 tahun

Blok dagangan terbesar tingkat keseragaman ekonomi global

Oleh Mohd Zaky Zaiduddin zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia bersama 14 negara, termasuk China menempa satu lagi sejarah semalam selepas secara rasminya memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif Serantau (RCEP), iaitu blok perjanjian perdagangan terbesar dunia.

RCEP yang adalah satu bentuk Perjanjian Perdagangan Bebas (PTA) penting kepada negara terbabit ke arah memacu pertumbuhan perdagangan, terutama ketika krisis COVID-19 sedemikian dilihat sebagai antara kerjasama ekonomi yang sukar dan mencabar untuk menemui titik nuktanya. Apa tidaknya, rentetan rundingan perlu dilalui Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai ketua perunding diterajui Timbalan Ketua Setiausahaanya, Datuk Seri Norman Ayob bersama 14 lagi negara anggota mengambil masa selama lapan tahun, membabitkan 31 pautan rundingan, lagan mesyuarat menteri dan empat sidang kemuncak.

Penetapan negara untuk memcapai kata sepakat selepas pelbagai cabaran dihadapi akhirnya berbalai dan lebih manis sesi penamatan diadakan bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan sidang lain berkaitan.

Malak, sistem perdagangan global juga mencipta sejarah baharu apabila RCEP menjadi PTA yang dimeterai sepenuhnya secara dalam talian oleh negara anggota yang terbabit, sebagai gema menunjukkan digitalisasi adalah platform baharu dalam memulakan sistem hubungan pelbagai hala.

Rangka kerja RCEP dilihat menyelesaikan isu tradisional Perhubungan Perdagangan Dunia (WTO) meliputi dagangan bernagran, penyelesaian pertelitan dan perdagangan perkhidmatan,

Walupun tanpa India, RCEP kekal menjadi antara PTA terbesar dunia merangkumi 2.2 bilion atau hampir sepertiga (29.7 peratus) penduduk dunia dan menyumbang sebanyak AS\$24.8 bilion (RM107.1 bilion) atau 26.9 peratus KDNK dunia.

Umum mengetahui mengenai RCEP namun tidak ramai memahami apakah manfaat dan kepentingan perjanjian ini untuk komuniti perniagaan serta penduduk negara anggota.

Secara dasarnya, matlamat RCEP adalah untuk menggabungkan kawasan PTA ASEAN menjadi satu PTA tunggal yang dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti rantaian nilai wilayah di rantau ini, di samping menjadikannya lebih mesra pengguna dan lebih mudah digunakan, terutama kepada perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

Perjanjian itu juga bertujuan



Pemimpin bersama menteri perdagangan 15 negara anggota pada sesi foto berkumpulan selepas majlis penamatan RCEP secara maya, semalam.

menempak taraf perjanjian perdagangan ekonomi yang moden, lengkap, berkualiti tinggi dan saling menguntungkan antara negara anggota seperti yang sudah direperit dalam Puncak dan Objektif Pandangan RCEP.

Antara aloip RCEP termasuk penghapusan tarif, liberalisasi sektor perkhidmatan, promosi, fasilitasi, peningkatan dan liberalisasi pelaburan serta kerjasama ekonomi dan teknikal.

Bagi syarikat Malaysia, pastinya pelbagai manfaat diperoleh memeterai RCEP termasuk akses pasaran kepada hampir seluruh penduduk dunia yang mana terbahar baharu menjadi dapat diperoleh dari kawasan serantau dengan harga yang beryaya saing.

"Tun Sri Malyidinda Yassin berkata, RCEP yang berupa dimuktamadkan semalam bakal menjadi penggerak utama dalam menyedupkan ekonomi serantau.

"Pertana Menteri menjelaskan, perjanjian yang dimeterai 15 negara anggota itu dapat mempertingkatkan kesejahteraan ekonomi ASEAN dan Rakan Dialog, walaupun tahap perkembangan ekonomi yang berbeza.

Malyidinda percaya RCEP menjadi paut untuk pertumbuhan dan semangat kerjasama ekonomi serantau yang komprehensif untuk masa depan.

Katanya, Malaysia bersama-sama dengan ASEAN dan rakan PTA ingin membaktikan kepada dunia, walaupun tahap ekonomi berbeza dalam kalangan 15 negara dapat bersatu dan memuktamadkan perjanjian perdagangan.

"Perkongsian yang akan menguntungkan semua bukan hanya untuk komuniti perniagaan, tetapi juga dapat meningkatkan kehidupan rakyatnya yang merangkumi hampir satu per tiga penduduk dunia," katanya berucap pada Sidang Kemuncak RCEP

Ke-4 secara maya, semalam.

Sementara itu, Menteri Kanan yang juga Menteri MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata RCEP menjadi bukti dalam pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala dalam usaha untuk memperkatakan agenda pembangunan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perjanjian ini, katanya, bakal mempertingkatkan, memudah cara dan melindungi peralihan pelaburan negara anggota di rantau ini, selain menyumbang ke arah kestabilan Malaysia sebagai hab perdagangan serta destinasi pelaburan pilihan.

"Is adalah peranda aras yang penting dalam perantuan dan pemacu pertumbuhan ekonomi antara 15 anggota perjanjian ini," katanya.

Azmin turut menjelaskan, RCEP bakal menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi akibat COVID-19 yang mana perjanjian ini akan membantu memastikan perubahan pasaran serta rantaian bekalan yang tidak terganggu.

Bekas berkata, RCEP mengagah dan memvigorasikan PTA ASEAN+1 yang sedia ada, iaitu membabitkan Jepun, Korea Selatan, China, Australia serta New Zealand ke dalam satu perjanjian yang inklusif dan komprehensif.

Selain itu, katanya, perjanjian ini bakal meningkatkan lagi perdagangan serta pelaburan antara negara peserta dan serantau, disamping memperkukuhkan rantaian nilai serantau dan memuktamadkan perjanjian perdagangan.

Selain itu, katanya, perjanjian ini bakal meningkatkan lagi perdagangan serta pelaburan antara negara peserta dan serantau, disamping memperkukuhkan rantaian nilai serantau dan memuktamadkan perjanjian perdagangan.

Bagi peserta pasaran, RCEP dilihat bakal memberi kesan besar kepada syarikat tempatan dari aspek akses pasaran, rantaian nilai baharu, aktiviti ekonomi serta rangkaian bekalan serantau.

Ke-4 secara maya, semalam.

Sementara itu, Menteri Kanan yang juga Menteri MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata RCEP menjadi bukti dalam pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala dalam usaha untuk memperkatakan agenda pembangunan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perjanjian ini, katanya, bakal mempertingkatkan, memudah cara dan melindungi peralihan pelaburan negara anggota di rantau ini, selain menyumbang ke arah kestabilan Malaysia sebagai hab perdagangan serta destinasi pelaburan pilihan.

"Is adalah peranda aras yang penting dalam perantuan dan pemacu pertumbuhan ekonomi antara 15 anggota perjanjian ini," katanya.

Azmin turut menjelaskan, RCEP bakal menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi akibat COVID-19 yang mana perjanjian ini akan membantu memastikan perubahan pasaran serta rantaian bekalan yang tidak terganggu.

Bekas berkata, RCEP mengagah dan memvigorasikan PTA ASEAN+1 yang sedia ada, iaitu membabitkan Jepun, Korea Selatan, China, Australia serta New Zealand ke dalam satu perjanjian yang inklusif dan komprehensif.

Selain itu, katanya, perjanjian ini bakal meningkatkan lagi perdagangan serta pelaburan antara negara peserta dan serantau, disamping memperkukuhkan rantaian nilai serantau dan memuktamadkan perjanjian perdagangan.

Selain itu, katanya, perjanjian ini bakal meningkatkan lagi perdagangan serta pelaburan antara negara peserta dan serantau, disamping memperkukuhkan rantaian nilai serantau dan memuktamadkan perjanjian perdagangan.

Bagi peserta pasaran, RCEP dilihat bakal memberi kesan besar kepada syarikat tempatan dari aspek akses pasaran, rantaian nilai baharu, aktiviti ekonomi serta rangkaian bekalan serantau.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>16 November 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	RCEP penggerak pemulihan ekonomi
Muka Surat	:	3



**Mohamed Azmin menandatangani** Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) sambil disaksikan Muhyiddin pada Sidang Kemuncak RCEP Ke-4 secara maya, di Kuala Lumpur semalam.

(Foto BERNAMA)

# RCEP penggerak pemulihan ekonomi

**Perjanjian galak pembukaan semula pasaran, pastikan rantai bekalan tak terganggu**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin, Sophia Ahmad, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy A Rosli  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang dimeterai 15 negara termasuk Malaysia itu, penting untuk rantau ini menangani kesan COVID-19 yang bukan hanya mengorbankan nyawa, tetapi turut menjejaskan ekonomi.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yakin perjanjian RCEP yang dimeterai 15 negara termasuk Malaysia itu, penting untuk rantau ini menangani kesan COVID-19 yang bukan hanya mengorbankan nyawa, tetapi turut menjejaskan ekonomi.

"Dengan cabaran kepada sistem perdagangan global berikutan ketegangan serantau, penting untuk ASEAN terus mengekalkan daya saing sebagai sebuah rantau.

"Menerusi RCEP, keseragaman ekonomi ASEAN dan Rakan Dialog dapat dipertingkatkan, sekali gus dimanfaatkan semua negara terbabit.

"Sememangnya penting bahu perkongsian ini melalui rundingan berasaskan tahap per-

kembangan ekonomi yang berbeza dalam kalangan 15 negara yang mengambil bahagian bagi memastikan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) menguntungkan semua," katanya berucap pada Sidang Kemuncak RCEP Ke-4 secara maya, semalam.

Muhyiddin yakin, RCEP akan menjadi pusat untuk pertumbuhan dan semangat kerjasama ekonomi serantau yang komprehensif untuk masa depan.

"Malaysia bersama dengan ASEAN dan rakan FTA, ingin membuktikan kepada dunia, walaupun tahap ekonomi berbeza dalam kalangan 15 negara, kami dapat bersatu memuktamadkan perjanjian perdagangan.

"Perkongsian yang akan menguntungkan semua, bukan hanya untuk komuniti perniagaan, tetapi juga dapat meningkatkan kehidupan rakyatnya yang merangkumi hampir satu pertiga penduduk dunia," katanya.

Bagi pihak Malaysia, pemeteraian RCEP itu disempurnakan Menteri Kanan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sambil disaksikan Muhyiddin. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Hamdun Hussein.

Pada majlis pemeteraian secara maya itu, Malaysia menandatangani RCEP bersama 14 negara peserta bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 yang berlangsung semingggu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia yakin RCEP menjadi perjanjian yang sangat kritikal bagi mendepani krisis COVID-19 dan menjadi platform untuk pemulihan ekonomi.

"Kami yakin pelaksanaan per-

janjian ini akan mendorong pembukaan semula pasaran serta memastikan rantai bekalan tidak terganggu," katanya.

Mengenai pendirian India tidak menyertai RCEP selepas menarik diri daripada rundingan itu pada November 2019, Muhyiddin berkata, Malaysia tetap menyatakan sokongan berterusan dan mengalu-alukan penyertaan negara terbabit dalam perjanjian itu pada masa depan.

"Dengan cabaran sistem perdagangan global, adalah sangat penting untuk kita terus mempertahankan daya saing sebagai satu rantau ekonomi.

"FTA adalah langkah maju membantu mempertahankan daya saing menerusi promosi perdagangan antarabangsa, memacu pelaburan dan memastikan penawaran bakat dalam direalisasikan," katanya.

Sementara itu, Azmin menyifatkan, RCEP menjadi bukti penguatkuasaan sistem perdagangan pelbagai hala disamping usaha untuk memperkasa agenda pembangunan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Katanya, RCEP yang menjadi perjanjian perdagangan bebas terbesar disertai Malaysia, merangkumi 2.2 bilion atau hampir sepertiga (29.7 peratus) penduduk dunia dan menyumbang AS\$24.8 bilion (RM102.187 bilion) atau 28.9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia.

Beliau menjelaskan, perjanjian perdagangan bebas RCEP juga bakal memberi manfaat syarikat Malaysia, termasuk penghapusan dan pengurangan tarif untuk barang dagangan, serta memudah cara eksport dan import barang antara negara RCEP.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 16 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	RCEP: PKS turut terima manfaat
Muka Surat	:	3



**TAN** Sri Muhyiddin Yassin (tengah), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (kiri) dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (kanan) berbual sebelum bergambar bersama sekretariat selepas menandatangani perjanjian RCEP pada Persidangan Kemuncak ASEAN ke-37 yang diadakan secara dalam talian di ibu negara, semalam. - UTUSAN/SHIDDEEQIIN ZON

# RCEP: PKS turut terima manfaat

**KUALA LUMPUR:** Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tidak terkecuali daripada menerima manfaat susulan pemeteraian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) ditandatangani Malaysia.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, terdapat fasal

khusus berkenaan dengan peruntukan perkongsian informasi dan mempromosikan langkah-langkah ketelusan untuk mempermudah perniagaan dan pelaburan di rantau ini termasuk menyediakan peluang kerjasama ekonomi dan teknikal terutamanya kepada PKS.

Menurut beliau, RCEP akan memastikan persaingan seimbang

antara negara-negara membangun dan negara-negara yang sedang membangun.

“Manfaat bagi peniaga-peniaga di Malaysia termasuklah penghapusan dan pengurangan tarif untuk barang-barang dagangan, termasuk memudah cara eksport dan import barangan antara negara-negara RCEP.

“Penyedia perkhidmatan

termasuk e-dagang juga akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih besar dari segi penawaran rentas sempadan dan mewujudkan keberadaan komersial di pasaran,” kata beliau selepas menandatangani RCEP secara dalam talian bersama 14 negara peserta sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 yang berakhir semalam.



**KERATAN AKHBAR**  
**16 November 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Limpahan terkawal
Muka Surat	:	12



**KEADAAN** Jeti Telok Gong bergenang air berikutan fenomena air laut pasang besar, semalam.

**Shah Alam:** Fenomena air laut pasang besar yang melanda pesisir pantai Selangor, semalam adalah terkawal dan tiada limpahan besar yang mengakibatkan kejadian banjir dilaporkan.

Pegawai Operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) Selangor Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir berkata, jalan Persekutuan berhampiran Pasaraya Mustafa dan Lorong Yunus, Sungai Sembilan di Kuala Selangor dilaporkan dinaiki air sekitar jam 5.44 pagi dan mula surut jam 7 pagi.

Sementara di kawasan Bagan Pasir Tanjung Ka-

rang, jeti nelayan Sungai Kajang, Jalan Sungai Dungun, Bagan Sungai Kajang, Kampung Tok Adam, Ikan Bakar Pantai Jeram, Bagan Pasir Penambang dan Bagan Sungai Janggut dalam daerah sama, hanya mengalami sedikit limpahan kecil air melepasi ban atau benteng.

Muhammad Izzat Haziq berkata, ban Kampung Sungai Janggut di Kuala Selangor juga selesai dibaik pulih Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi persediaan menghadapi fenomena air laut pasang besar.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>16 November 2020</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Manfaat bersama
Muka Surat	:	21



MUHYIDDIN berbincang bersama Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (kiri) dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelum bermulanya Sidang Kemuncak Asean ke-37 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan pada hari ketujuh persidangan itu yang diadakan secara maya, semalam.

### SIDANG KEMUNCAK RCEP KE-4

# MANFAAT BERSAMA

Bernama

Kuala Lumpur

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan menjadi instrumen penting kepada pemulihan ekonomi dan akan menggalakkan pembukaan semula pasaran selain memastikan rantaian bekalan tidak terganggu.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perjanjian RCEP penting untuk rantau ini menangani pandemik Covid-19.

Beliau berkata, pandemik itu bukan hanya mengorbankan nyawa, tetapi juga menjejaskan ekonomi.

"Dengan cabaran kepada sistem perdagangan global berikutan ketegangan se-



*Saya yakin ini adalah penanda aras kepada pertumbuhan dan kerancakan kerjasama ekonomi serantau pada masa depan"*

Muhyiddin Yassin

rantau, penting untuk Asean terus mengekalkan daya saing sebagai sebuah rantau," katanya dalam ucapan pada Sidang Kemuncak RCEP ke-4 secara maya, semalam.

Muhyiddin berkata, perjanjian perdagangan bebas (FTA) adalah langkah ke ha-

dapan untuk membantu mengekalkan daya saing melalui galakan kepada perdagangan antarabangsa, pelaburan dan memastikan penawaran tenaga kerja.

Oleh itu, katanya, RCEP akan menjadi penggerak utama apabila integrasi ekonomi serantau dalam ASEAN dan rakan dialognya dapat dipertingkatkan.

"Ia penting apabila perkongsian ini dirundingkan berasaskan tahap pembangunan ekonomi yang berbeza dalam kalangan 15 negara yang mengambil bahagian untuk memastikan FTA memberi manfaat secara bersama kepada semua.

"Saya yakin ini adalah penanda aras kepada pertumbuhan dan kerancakan kerjasama ekonomi serantau

pada masa depan," katanya. Beliau berkata, Malaysia bersama dengan Asean dan rakan FTA mahu menunjukkan kepada dunia bahawa walaupun dengan tahap pembangunan ekonomi yang berbeza, 15 negara boleh bersatu mewujudkan perjanjian perdagangan yang akan saling memberi manfaat bukan sahaja untuk komuniti perniagaan, tetapi juga kesejahteraan rakyat.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, Malaysia menyedari kesukaran yang kini dihadapi oleh India dan ingin menyatakan sokongan yang berterusan serta mengalu-alukan penyertaan India dalam RCEP pada masa depan.

Negara itu menarik diri daripada rundingan RCEP pada November 2019.



## KERATAN AKHBAR 16 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	9,423 individu hilang kerja di Selangor
Muka Surat	:	5



**SEBAHAGIAN** individu yang hadir dalam Program Jelajah Selangor Bekerja 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor semalam.

## 9,423 individu hilang kerja di Selangor

**KUALA SELANGOR** – Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor merekodkan seramai 9,423 individu hilang pekerjaan di negeri itu sepanjang tempoh Januari hingga September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Belia dan Sukan, Mohd. Khairuddin Othman berkata, jumlah tersebut merangkumi lima peratus tenaga pekerja seluruh Selangor.

“Justeru, kita menasarkankan untuk menurunkan kadar pengangguran sebanyak 0.5 peratus daripada 9,423 individu yang kehilangan kerja.

“Dua program iaitu Jelajah Selangor Bekerja 2020 dan Insentif Roda Darul (RiDE) diharap dapat membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan pendapatan,” katanya ketika ditemui selepas program Jelajah Selangor Bekerja 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor di sini semalam.

Mengulas mengenai Jelajah Selangor Bekerja 2020, Mohd. Khairuddin menegaskan sera-

mai 9,969 individu telah memohon pekerjaan sehingga 15 September lalu.

Menurutnya, sebanyak 20 syarikat daripada pelbagai sektor termasuk sektor logistik, peruncitan, perkhidmatan dan lain-lain yang terlibat dalam jelajah ini.

“Jelajah ini akan diadakan di tiga daerah lagi di Gombak, Petaling dan Hulu Langat sehingga 29 November depan.

“Walaupun pandemik Covid-19 masih belum reda, kerajaan negeri akan terus menganjurkan Jelajah Selangor Bekerja 2020 bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan,” ujarnya.

Sementara itu, salah seorang peserta program, Siti Nur Syafiqah Husin, 25, memberitahu, dia telah memohon kerja daripada lima buah syarikat yang terlibat program itu.

“Saya berharap ada rezeki selepas enam bulan menganggur setelah berhenti kerja daripada sebuah syarikat logistik,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 16 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	RCEP tingkatkan integrasi ekonomi
Muka Surat	:	38

# RCEP tingkatkan integrasi ekonomi

**KUALA LUMPUR** – Perjanjian Kerjasama Strategik Komprehensif Serantau (RCEP) dijangka dapat meningkatkan integrasi ekonomi serantau, mempromosi aliran pelaburan dan memperkuatkan rantaian bekalan global.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perjanjian itu juga dianggap penting buat rantau ini bagi menangani dan menguruskan pandemik Covid-19 serta dalam masa yang sama dapat membantu negara lain melaksanakan pemulihan ekonomi.

"Perjanjian ini ditandatangani

setelah perbincangan yang mengambil masa selama lapan tahun sejak tahun 2013," katanya dalam akaun Facebook rasminya di sini semalam.

RCEP merangkumi 10 negara ASEAN bersama China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Australia.

Menurut Muhyiddin, Malaysia bersama ASEAN dan rakan perjanjian perdagangan bebas (FTA), ingin menunjukkan kepada dunia bahawa 15 buah negara dapat bersatu untuk membuat perjanjian perdagangan yang akan saling menguntungkan walaupun dengan tahap pembangunan ekonomi

yang berbeza.

Majlis pemeteraian perjanjian bersejarah itu telah ditandatangani oleh Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali selepas Sidang Kemuncak RCEP ke-4 secara maya semalam.

Menurut beliau, RCEP akan menjadi platform penting untuk menjadi penggerak utama apabila integrasi ekonomi serantau dalam ASEAN dan rakan dialognya dapat dipertingkatkan.

"Saya yakin ini adalah penanda aras kepada pertumbuhan dan kerancangan kerjasama ekonomi serantau," ujarnya.



**MUHYIDDIN bersama Azmin (kanan) pada majlis pemeteraian perjanjian selepas sidang Kemuncak RCEP secara maya semalam.**



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>16 November 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Malaysia hab perdagangan pilihan
Muka Surat	:	3

# Malaysia hab perdagangan pilihan

Pemeteraian RCEP sokong kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan

## KUALA LUMPUR

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan menyumbang kepada langkah untuk meningkatkan Malaysia sebagai hab perdagangan dan destinasi pelaburan pilihan, kata Menteri Kanan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, bagi perniagaan Malaysia, ia bermakna pemansuhan atau pengurangan tarif untuk barang dagangan, termasuk memudahkan eksport dan import barangan dalam kalangan negara-negara anggota RCEP.

"Penyedia perkhidmatan, termasuk (merek yang terlibat



RCEP bakal memberi impak positif kepada Malaysia yang bergantung tinggi kepada aktiviti import dan eksport.

dalam) e-dagang akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih besar dari segi penawaran rentas sempadan dan mewujudkan kehadiran komersial dalam pasaran RCEP.

"Selain itu, RCEP akan menggalakkan, memudahkan dan melindungi iklim pelaburan negara-negara yang mengambil bahagian di rantau ini.

"Ini termasuk pertukaran maklumat dan galakan kepada langkah ketelusan untuk memu-

dahkan perniagaan dan pelaburan di kawasan RCEP," katanya kepada pemberita selepas pemeteraian perjanjian perdagangan terbesar di dunia itu di sini semalam.

Mohamed Azmin berkata, menyedari perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan yang penting sebagai tulang belakang kepada setiap ekonomi, RCEP akan menawarkan peluang yang adil dan saksama antara negara maju dan

negara kurang membangun.

Beliau berkata, terdapat bab khusus yang menyediakan peruntukan untuk pertukaran maklumat dan menggalakkan langkah-langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan di rantau ini termasuk memberikan kerjasama ekonomi dan teknikal terutamanya kepada PKS.

Katanya, RCEP boleh menjadi instrumen kepada pemuliharaan ekonomi terhadap koronavirus (Covid-19) yang akan membantu memastikan pasaran dibuka dan rantaian bekalan tidak terganggu.

Mengenai penyertaan India dalam RCEP, Azmin menegaskan kepentingan untuk India kembali dan menyertai semula perjanjian perdagangan itu berikutan negara tersebut dapat memainkan peranan yang penting dalam memberikan kemakmuran di rantau ini.

Katanya, penyertaan India akan mewujudkan pasaran yang lebih besar berbanding 15 negara anggota, yang kini mewakili 28.9 peratus daripada Ke-

luaran Dalam Negara Kasar (KDNG) dunia.

"Kami mengalu-alukan penyertaan India, tetapi kami menghormati pendirian mereka untuk menyelesaikan isu domestik mereka," katanya.

Mengenai Perjanjian Komprehensif dan Progresif Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) menurutnya, Malaysia tidak berada dalam kedudukan untuk merumuskan sama ada perjanjian pelbagai hala itu akan dihidupkan semula.

Bagaimanapun, katanya, negara akan terus memantau dengan pentadbiran baharu di Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Presiden Joe Biden.

"Sudah tentu, kita akan menjangka pentadbiran baharu akan memberi lebih tumpuan kepada ASEAN dan bagaimana kita dapat mengukuhkan peluang perdagangan dan pelaburan AS-ASEAN berikutan rantau ASEAN mempunyai pasaran yang besar.

"Ternyata, ia akan menjadi kompetitif untuk meningkatkan kerjasama," katanya. - *Bernama*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 16 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Persidangan video kukuhkan hubungan 10 negara anggota ASEAN
Muka Surat	:	3

### Persidangan video kukuhkan hubungan 10 negara anggota ASEAN

**KUALA LUMPUR** - Hubungan Malaysia dengan rakan-rakan ASEAN lebih kukuh meskipun Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 yang telah berakhir semalam hanya dapat dilangsungkan secara maya, kata Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata, di sebalik kekeangan bersidang secara bersemuka, pengumuman kali kedua secara persidangan video itu disifatkan sebagai amat berjaya.

Ini kerana katanya, ia tetap dapat menghimpunkan kesemua 10 Menteri Luar ASEAN, Japan wakil negara-negara rakan dialog ASEAN dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Saya perhatikan dalam masa beberapa hari perjalanan sidang kemuncak kali ini, daripada bahasa tubuh mereka yang mendengar intervensi Tan Sri Muhyiddin Yassin, nampaknya bukan sahaja hormat kepada pendirian kita tetapi hubungan cukup baik.

"Walaupun lebih baik jika kita dapat bersemuka, namun dalam keadaan maya pun kita yakin hubungan yang telah kita bina di ASEAN selama ini dapat diteruskan dalam apa jua cara.

"Lebih penting apabila hubungan negara-negara ASEAN dengan negara-negara dialog kita nampaknya tidak



Hishammuddin (kiri) ketika mengikuti Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 yang diadakan secara maya di Kuala Lumpur semalam.

terjejas.

"Malah, ia lebih kukuh kerana landskap coronavirus (Covid-19) sekarang ini menuntut kita merapatkan barisan, bekerjasama berhadapan dengan cabaran yang sama dihadapi oleh dunia pada hari ini," katanya pada sidang akhbar sempena penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 di sini semalam.

Dalam pada itu, Hishammuddin ber-

kata, persidangan tersebut turut menyaksikan penambahan tiga negara baharu yang menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara iaitu Cuba, Afrika Selatan dan Colombia.

Katanya, Malaysia berpendirian, perjanjian yang telah disertai 43 negara ini menyerlahkan ASEAN kerana masih mendapat banyak permintaan daripada negara-negara luar

untuk menjalin hubungan sebagai sebuah blok.

"Ini membuktikan ASEAN kekal relevan dan boleh dicontohi oleh negara-negara lain dan juga petanda baik bahawa negara-negara berkenaan berminat berinteraksi dan menjalinkan hubungan dengan ASEAN," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, pada persidangan kali ini juga, Malaysia menjadi satu-satunya negara yang berani menegaskan pendirian secara terbuka mengenai isu kebencian dan perpecahan yang semakin mengancam dunia.

"Malaysia lantang menyatakan bahawa semua pihak mesti mengelak sebarang tindakan keganasan apatah lagi atas nama agama sehingga boleh menimbulkan kesalahfahaman agama seperti Islamofobia," katanya.

Sidang kemuncak yang berlangsung dari 12 November itu dipengerusi oleh Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc selaku Pengerusi ASEAN 2020.

Sementara delegasi Malaysia diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin dan turut mengambil bahagian, Hishammuddin serta Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>16 November 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Peluang PKS masuki pasaran global
Muka Surat	:	4

# Peluang PKS masuki pasaran global

RCEP ditandatangani Malaysia beri peluang syarikat PKS bersaing dalam pasaran terbuka

Oleh **KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

**SHAH ALAM**

**P**erjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang baru ditandatangani kerajaan Malaysia semalam merupakan peluang terbaik kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memasarkan pasaran global pada masa hadapan.

Pakar ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoiyai Bardai berkata, perjanjian perdagangan bebas antarabangsa terbesar yang pernah dimeterai negara itu bakal meliputi pasaran global sebanyak AS\$24.8 trilion (kira-kira RM100 trilion) atau hampir sepertiga (28.9 peratus) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia berdasarkan Data Bank Dunia 2018.

Menurutnya, perjanjian perdagangan itu juga menyasarkan untuk menjadikan 15 negara peserta termasuk kuasa ekonomi dunia seperti China, sebagai kawasan bebas tarif sekali gus memberi manfaat besar kepada syarikat PKS tempatan mengembangkan sayap perniagaan.

"Apabila RCEP ditandatangani, terdapat keseimbangan




**BARJOYAI**

syarikat-syarikat PKS kita akan hilang keupayaan bertanding susulan cabaran bersaing dengan produk-produk murah dari China.

"Namun, RCEP sebenarnya akan melatih syarikat PKS untuk bertanding dalam pasaran terbuka dan ini titik tolak terpenting kepada mereka untuk mengambil peluang memasuki pasaran ASEAN dan Asia Pasifik yang menawarkan syer hampir 30 peratus KDNK dunia," katanya sewaktu dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Terdahulu, Malaysia menandatangani RCEP serentak bersama 14 lagi negara secara maya setelah lapan tahun berunding dengan ia ditandatangani Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mewakili kerajaan.

Majlis itu turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Luar, Datuk Seri Hisham-



**KE PING**

uddin Tun Hussein sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-37 di Kuala Lumpur semalam.

RCEP yang merangkumi 10 Ekonomi Asia Tenggara bersama China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Australia bakal menjadi pemangkin bagi pemulihan ekonomi pasca-Covid-19 demi membantu membuka pasaran baharu serta memantapkan rantaian bekalan serantau.

Bagaimanapun, Barjoiyai mencadangkan satu pertubuhan formal antara negara-negara peserta yang menyerupai Kesatuan Eropah (EU) ditubuhkan untuk jangka masa pertengahan dan panjang bagi memastikan inti pati perjanjian RCEP dapat dilaksanakan secara jitu dan berkesan.

Ditanya sama ada inti pati perjanjian RCEP menyamai Perjanjian Perdagangan Trans-Pasifik (TPP) yang hampir ditandatangani negara sebelum ini, Barjoiyai menjelaskan rakyat



tidak perlu bimbang kerana inti patinya tidak menyentuh perkara penting terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

### Perjanjian longgar

Bagaimanapun, pandangan berbeza dikemukakan seorang lagi pakar ekonomi, Profesor Hoo Ke Ping yang menyifatkan inti pati perjanjian RCEP yang begitu longgar menyaksikannya bakal menjadi senasib dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Melihat dari sudut geopolitik dunia, Ke Ping mendedahkan, RCEP sebenarnya adalah satu langkah tindak balas negara China terhadap Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) diusahakan Amerika Syarikat, yang bertujuan untuk mengekalkan pengaruh negara itu sebagai kuasa ekonomi dunia.

"Ditambah dengan framework perjanjian terlalu longgar, saya menjangka unjuran RCEP yang mencakupi tempoh tiga tahun pelaksanaan tidak akan memberi impak kepada negara," katanya.

Lebih menarik, Ke Ping turut mengemukakan teori AS bakal kembali dengan perjanjian TPPA baharu yang lebih komprehensif dinamakan CPTPP (Perjanjian Trans Pasifik

Komprehensif dan Progresif) selepas calon Demokrat, Joe Biden terpilih memenangi Pilihan Raya Presiden minggu lalu.

"Dengan Biden dilihat disokong kuat bekas Presiden AS, Barack Obama, perjanjian C-PTPP dijangka ditawarkan sekali lagi dengan inti pati lebih komprehensif dan situasi ini akan menjadikan RCEP tidak berfungsi dan senasib dengan AFTA," katanya.

Ke Ping berkata, selain faktor jangkaan kemunculan semula perjanjian C-PTPP, RCEP turut dilihat sukar mencapai objektif susulan dasar ekonomi terbaharu China yang akan mengurangkan nilai import barangan, sebaliknya berusaha meningkatkan nilai eksport.

"Selain itu, negara ASEAN dan China sendiri berdepan dengan pelbagai konflik berkepentingan seperti isu persaingan eksport perdagangan barangan elektrik dan hak intelek kerana 40 peratus nilai eksport China adalah barangan berkenaan.

"Ditambah dengan tindakan agresif China mengukuhkan aset ketenteraan di Laut China Selatan bagi menguasai kawasan itu, saya tidak fikir RCEP akan dijayakan semua pihak dengan sepenuh hati," katanya.



RCEP dilihat boleh membantu usahawan PKS memasuki pasaran global pada masa hadapan.



**KERATAN AKHBAR**  
**16 November 2020**

Akbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kebun komuniti pacu pendapatan
Muka Surat	:	5

# Kebun komuniti pacu pendapatan

Kerajaan peruntuk  
 RM30 juta bantu  
 rakyat bercucuk tanam

Oleh NORSHAHZURA  
 MAT ZUKI

SHAH ALAM


Dalam usaha memperkasa sektor pertanian dan industri makanan dengan memperluas Program Kebun Komuniti, kerajaan Perikatan Nasional (PN) memperuntukkan RM30 juta kepada program itu menerusi Belanjawan 2021.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang membentangkan belanjawan itu pada 6 November lalu berkata, peruntukan berkenaan bagi menyediakan kit fertisasi seperti peralatan sistem pengairan, sistem penanaman lengkap, bekas penanaman dan peralatan berkebumi termasuk biji benih, anak benih, baja, *bio repellent* dan media penanaman bernilai RM500 bagi setiap individu atau RM50,000 setiap komuniti yang bakal memanfaatkan sekitar 40,000 peserta.

Program Kebun Komuniti yang memberi peluang kepada peserta mengusahakan tanaman jangka pendek terutama sayur-sayuran, kini sedang rancang dijalankan di seluruh negara.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF), Profesor Madya Dr Baharom Abdul Hamid berkata, Program Kebun Komuniti adalah sebuah program terbaik untuk mendapat pendapatan tambahan dan mengatasi

Ronald (kanan) melakukan tinjauan mesra Projek Pertanian Bandar Komuniti Perumahan Awam Seri Perlis 2 Keramat, Kuala Lumpur pada 16 Jun lalu.



masalah kekurangan bekalan makanan dan membantu memanfaatkan tanah atau ruang terbiar.

"Kejayaan program ini bergantung kepada pelaksanaan atau penyaluran bantuan serta penyasaran golongan yang dapat memberikan impak sosial secara maksimum.

"Pemantauan kemajuan serta pengukuran impak kepada golongan yang menerima bantuan juga harus dijalankan secara berterusan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, Program Kebun Komuniti memberikan impak berterusan seperti mengatasi masalah pengangguran dan memberi pendapatan tambahan kepada yang mengalami penyusutan pendapatan.

"Ia juga mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan dan mengurangkan jurang pendapatan. Hasil tambahan yang diterima juga akan dibelanjakan kembali ke ekonomi kita sekali gus memberikan pulangan kepada negara," katanya.

Selain peruntukan tersebut, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ro-



AHMED RAZMAN



MAJIDAH



BAHAROM

nald Kiandee berkata, program di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) itu menyediakan peruntukan RM10 juta yang memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar.

Ronald berkata, kerajaan berharap peruntukan itu akan membantu pengeluaran makanan serta memastikan keselamatan makanan terjamin walau dalam keadaan negara dilanda pandemik koronavirus (Covid-19).

## Prospek

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berpendapat, Program Kebun Komuniti ini bukan sahaja mengangkat industri pertanian tetapi industri lain juga seperti Revolusi Industri 4.0 apabila komuniti mengaplikasikan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan IoT untuk menghasilkan tanaman yang lebih tinggi hasilnya.

"Ia mampu menarik minat golongan muda untuk mempelajari teknologi dalam pertanian dan menjadikan kerjaya sebagai petani yang memberikan prospek dan pendapatan yang tinggi.

"Kebun komuniti juga akan menjadi platform untuk syarikat penyelidikan dan pusat penyelidikan awam menghasilkan produk makanan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, peruntukan RM30 juta adalah jumlah yang sangat wajar untuk populasi Lembah Klang berjumlah 9.5 juta penduduk termasuk bandar-bandar besar seluruh Malaysia.

"Jika ia dilaksanakan dengan sempurna, ia akan turut menarik pelaburan daripada masyarakat sekeliling yang membolehkan aktiviti ekonomi tempatan meningkat.

"Ia bersesuaian dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang akan dilancarkan tahun hadapan untuk memastikan bekalan makanan negara kita akan lebih terjamin.

"Ini diharap dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada barangan import dan tidak mustahil hasil tanaman dari kebun komuniti ini akan menjadi sumber utama makanan penduduk negara kita pada masa akan datang," katanya.

## Inisiatif MBSA

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil inisiatif dalam melaksanakan

- Program Kebun Komuniti merupakan inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam usaha meningkatkan pendapatan penduduk setempat melalui aktiviti pertanian.

- Program Kebun Komuniti menggalakkan budaya keusahawanan dan perniagaan dalam kalangan komuniti serta memberi peluang kepada komuniti untuk meningkatkan pendapatan melalui amalan pertanian.

- MAFI melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah memberikan bantuan berjumlah RM20,000 dalam bentuk in-kind seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada komuniti yang terlibat.

- Pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti SEEDS Malaysia, Persatuan Lestari Alam Malaysia dan National Farmers Association Malaysia akan membantu dari segi latihan kepada penduduk mengenai cara menanam yang betul dan cara membuat baja kompos.

program kebun komuniti bagi menggalakkan komuniti bandar bercucuk tanam dalam kawasan yang optimum mengikut kesesuaian persekitaran.

Pegawai Pertanian Jabatan Lanskap MBSA, Majidah Md Ali berkata, Program Kebun Komuniti ini merupakan program bandar mampan yang dilaksanakan bagi memastikan bandar raya Shah Alam dipenuhi dengan kawasan hijau dan dapat mewujudkan aktiviti untuk komuniti setempat.

"Sehingga kini terdapat 22 kebun komuniti yang berdaftar dengan MBSA dan PBT telah menyediakan pelbagai keperluan serta kelengkapan bagi mengusahakan kebun komuniti tersebut.

"Kebun-kebum komuniti ini juga mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor berupa peralatan pertanian dan juga khidmat nasihat berkaitan penjagaan dan pengurusan tanaman," katanya.



Kebun komuniti yang diusahakan oleh penduduk di Shah Alam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 16 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Seri Paduka Baginda, Raja Permaisuri zahir ucapan takziah kepada keluarga Zaleha
Muka Surat	:	12

### Seri Paduka Baginda, Raja Permaisuri zahir ucapan takziah kepada keluarga Zaleha

**KUALA LUMPUR** - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Zaleha Ismail yang meninggal dunia kelmarin.

Dalam kenyataan yang dimuat naik menerusi Facebook Istana Negara, Seri Paduka Baginda berdua turut menzahirkan dukacita dengan pemergian Allahyarham dan berharap seluruh keluarga bersabar serta tabah menghadapi suasana sedih ini.

"Seri Paduka Baginda berdua turut menyifatkan pemergian Allahyarham sebagai kehilangan besar kepada negara.

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh ALLAH SWT dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan para solihin," demikian menurut hantaran itu.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong amat menyanjung tinggi dan menghargai khidmat bakti serta jasa Allahyarham kepada masyarakat dan negara.

Sementara itu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin turut

menzahirkan ucapan takziah di atas pemergian Allahyarham Tan Sri Zaleha.

Perutusan takziah itu dizahirkan menerusi kemas kini di laman Facebook Selangor Royal Office semalam.

"Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dengan rasa dukacita berkenan menzahirkan perutusan takziah di atas kembalinya ke Rahmatullah bekas Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Zaleha Ismail.

"Sikap Allahyarham yang mudah mesra dan peramah menyebabkan ramai yang menyenangnya sehingga beliau

pernah dilantik sebagai Penaung Kehormat Persatuan Ibu Tunggal Negeri Selangor.

